

Komuniti maritim turut berperanan

Perangi jenayah di lautan

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
pengarang@utusan.com.my

MESKIPUN Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) baru mencecah usia 11 tahun, agensi tunggal yang memikul tanggungjawab untuk mengawal kedaulatan perairan negara itu tidak pernah gagal menggalas tugas menjaga keselamatan perairan yang berkeluasan 614,000 kilometer persegi.

Namun, kejayaan memerangi kes-kes jenayah di lautan mahu pun operasi mencari dan menyelamatkan mungkin tidak akan berhasil sekiranya kerjasama bersama komuniti maritim tidak dijalin dengan erat dan baik kerana 'warga laut' itu turut mahir dengan selok-belok di air.

Mula beroperasi sejak 2005, Maritim Malaysia telah menjalin kerjasama dengan masyarakat dua tahun kemudian melalui program Jiwa Murni sebelum dijenamakan kepada program Sahabat Maritim mulai 2013 yang dilatih sebagai 'serampang dua mata'.

Program tersebut bukan sahaja dapat mengartikan hubungan dengan komuniti setempat, tetapi usaha memerangi jenayah maritim dapat diperkasakan lagi dengan adanya penglibatan golongan nelayan yang bertindak sebagai 'mata dan telinga' kepada Maritim Malaysia.

Strategi bekerjasama dengan golongan itu yang setiap hari berada di laut serta

AKTIVITI mengecap pondok nelayan turut dilakukan.

kelebihan mereka mengenal pasti musuh dimanfaatkan sepenuhnya Maritim Malaysia dalam meningkatkan keberkesanan pemantauan agensi itu melalui penyaluran maklumat yang cepat.

Kerjasama tersebut bukan sahaja memberi peluang kepada Maritim Malaysia untuk bertindak dengan lebih pantas malah menjadi faktor kejayaan dalam tangkapan terhadap penjenayah maritim atau menyelamatkan nyawa dalam kemalangan di laut.

Sahabat Maritim tidak tertumpu kepada komuniti nelayan semata-mata,



KETUA Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Ahmad Puzi Ab. Kahar (kiri) memberi penerangan mengenai tanggungjawab Maritim Malaysia kepada Ahli Parlimen Parit Sulung, Datuk Noraini Ahmad (tengah) sempena program Sahabat Maritim di Hentian Mahkota Parit Simin, Batu Pahat, Johor.

tetapi penduduk yang tinggal di pesisir pantai turut menjadi sahabat karib agensi tersebut kerana sesuatu kejadian jenayah pastinya bermula di darat.

Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Ahmad Puzi Ab. Kahar berkata, program Sahabat Maritim adalah aktiviti yang penting dan menjadi agenda tahunan pihaknya kerana bukan sahaja memperkenankan peranan dan fungsinya kepada masyarakat tetapi pada masa sama berusaha menyampaikan sumbangan amal atau kebajikan.

Katanya, untuk menjalankan tugas penguatkuasaan, mencari dan menyelamatkan di laut dengan lebih berkesan, Maritim Malaysia telah melaksanakan program-program turun padang seawal 2007 lagi untuk berjumpa, mendengar dan berbincang masalah-masalah yang tidak dapat ditangani melalui penguatkuasaan sahaja.

"Sejak 2007 hingga hari ini sebanyak 137 program telah dilaksanakan dengan pelbagai bentuk aktiviti telah dianjurkan diseluruh negara. Program itu telah

memberi manfaat dan nilai tambah kepada kehidupan para pelanggan agensi ini seperti nelayan, penduduk pesisir pantai dan palau, komuniti perkapalan, pengusaha bot, hotel, feri dan lain-lain.

"Menerusi program tersebut, agensi telah menerima kerjasama baik daripada kebanyakan komuniti maritim kerana telah mendorong mereka menjadi mata dan telinga Maritim Malaysia dalam menyalurkan maklumat-maklumat yang diperlukan," katanya dalam Program Sahabat Maritim Bersama Masyarakat di Hentian Mahkota, Parit Simin, Batu Pahat baru-baru ini.

Kata Ahmad Puzi, kerjasama sahabat maritim telah membantu pihaknya menambah baik penyampaian perkhidmatan atau respon untuk menjaga keselamatan perairan serta pantai yang sepanjang 4,490 kilometer.

"Aset-aset terkini dan teknologi yang canggih sahaja tidak mencukupi kerana keberkesanan sistem penguatkuasaan di laut banyak bergantung kepada kesedaran dan kerjasama semua pihak untuk mematuhi peraturan dan undang-undang yang ada," katanya.

Sejak Maritim Malaysia beroperasi, agensi itu telah melakukan 191,574 pemeriksaan dan 7,462 tangkapan sehingga peratusan jenayah maritim telah dapat dikurangkan daripada 45 peratus pada 2006 kepada 2.5 peratus pada 2014.

Sementara itu pematuhan undang-undang dalam kalangan komuniti maritim juga telah menunjukkan pencapaian yang baik iaitu 97.5 peratus pada tahun itu.

Kegiatan rompak atau lanun di Selat Melaka pula yang direkodkan 38 kes pada 2004, telah berjaya ditangani dengan baik dan aktiviti rompak kapal dagang juga telah menurun dengan ketara sehingga menjadi sifar pada 2009 hingga 2013.

"Hasil siasatan mendapati semua kes yang berlaku melibatkan jenayah rentas sempadan iaitu pelaku dan dalangnya dari negara jiran. Bagi mengatasi masalah ini Maritim Malaysia telah mempertingkatkan pelbagai inisiatif termasuk mengukuhkan kerjasama perisikan dan siasatan jenayah



ANGGOTA Maritim Malaysia Pangkalan Batu Pahat membantu penduduk membersihkan persekitaran rumah sempena program Sahabat Maritim di Hentian Mahkota Parit Simin, Batu Pahat, Johor.

maritim di samping meningkatkan rondaan aset-aset laut dan udara serta pemantauan radar.

"Perolehan kapal ronda baharu dan dua radar yang kini dalam pembinaan dijangka meningkatkan lagi keupayaan sistem penguatkuasaan di laut. Sementara di peringkat antarabangsa pula, kita terus melakukan pelbagai inisiatif kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan ASEAN, Asia Pasifik dan Barat termasuk Interpol bagi mengekang perlakuan

jenayah rentas sempadan yang semakin mencabar," tegasnya.

Sehubungan itu, Maritim Malaysia berharap program sahabat maritim dapat dijadikan sebagai jambatan yang akan terus menghubungkan nelayan di sesuatu kawasan dengan agensi itu kerana peranan masyarakat lebih penting dalam menyampaikan sebarang maklumat kepada mereka bagi membolehkan ke arah menambatkan pelbagai aktiviti jenayah secara berkesinambungan.

PELAJAR Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut tidak ketinggalan menyertai aktiviti gotong royong sempena program Sahabat Maritim di Hentian Mahkota Parit Simin, Batu Pahat, Johor.



ANGGOTA Maritim Malaysia Pangkalan Batu Pahat membantu membaiki tiang kayu yang digunakan nelayan untuk tali lautan sempena program Sahabat Maritim di Hentian Mahkota Parit Simin, Batu Pahat, Johor.